

B Pemahaman

Pemahaman Teks

Praktis PT3 Sajak – Kunci Bahasa

Baca sajak di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Bahasa berruaruh
tidak **berbilur** bahasa di lidah.
Bahasa berbuah
tidak kering bahasa diperah.
Bahasa bersejarah
tidak luput bahasa bertingkah.
Bahasa **berwasilah**
tidak putus jambatan **ukhuwah**.
Bahasa berbudi sudah
tidak **lokek** pada ummah.
Bahasa begitu indah
tidak habis berbahasa bermadah.

(Dipetik daripada antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1)

1. Yang berikut merupakan kepentingan bahasa, **kecuali**
A mewujudkan perpaduan.
B menggambarkan sikap seseorang.
C alat komunikasi untuk memudahkan kehidupan manusia.
D menguntungkan pihak yang bijak mengeksploitasinya.
2. Mengapakah bahasa dikatakan begitu indah?
A Tidak luput ditelan zaman
B Mempunyai pelbagai ragam bahasa
C Mengeratkan hubungan dan perpaduan
D Melambangkan kekuatan sesuatu bangsa



Nota SMART

Asonansi / Aliterasi

- Asonansi ialah pengulangan huruf vokal a, e, i, o, u pada sebaris puisi.
Contoh: *Baginda berputera tiga orang jua*
- Aliterasi ialah pengulangan huruf konsonan pada sebaris puisi.
Contoh: *Baginda nan gering bukan kepalang*

Entri Kata

- **berbilur** – bekas pada kulit akibat dipukul dengan sesuatu yang tajam atau nipis
- **berwasilah** – ikatan perhubungan; pertalian
- **ukhuwah** – persaudaraan
- **lokek** – sangat susah memberi atau membelanjakan hartanya; bakhil; kedekut

Bahasa berbuah

3. Gaya bahasa bagi baris sajak di atas ialah
A simile.
B imejan.
C metafora.
D personifikasi.
4. Apakah nada sajak di atas?
A Sinis.
B Protes.
C Patriotik.
D Melankolik.

Praktis PT3 Cerpen – Hadiah (... atas kejayaan para guru menghasilkan Aku)

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Hari Guru pun tiba. Azizah keluar awal pagi itu. Dia mengayuh basikalnya dengan laju. Dia mahu sampai segera. Dia mahu menunjukkan hadiah itu kepada rakan-rakannya. Dia membalut hadiah itu dengan kertas surat khabar kerana kos untuk membeli kertas pembalut berbunga kecil tidak cukup. Tentu **unik**. Tentu Cikgu Zaleha suka akan anyamannya yang halus dan menarik itu. Atau mungkin hadiahnya paling akhir dibuka kerana ringan ... atau mungkin Cikgu Zaleha tidak ...

Azizah menunggang basikalnya dengan laju sekali. Dia berasa tidak sabar untuk menghulurkan hadiah itu kepada Cikgu Zaleha. Bungkus hadiah diletakkan di dalam raga basikal. Pada matanya terbayang senyuman Cikgu Zaleha menyambut huluran hadiah itu.

Setibanya di sekolah, semua mata tajam tertumpu pada bungkus di tangan Azizah. **Kelibat** Azizah yang lewat tiba di pintu pagar diperhatikan oleh Cikgu Zaleha. Dalam tangan Cikgu Zaleha terdapat sekeping borang yang sangat besar kaitannya dengan Azizah.

Cikgu Zaleha dikerumuni banyak peminat **cilik**. Azizah di belakang sekali. Secara tradisi, murid-murid yang membawa hadiah akan dipersilakan untuk menghulurkan hadiah masing-masing ke tangan guru mereka di hadapan tapak perhimpunan. Azizah menahan cunap. Resah menanti giliran menyukan hadiah ciptaannya.

"Cikgu ... ini saja yang mampu saya berikan. Jangan buka sekarang, cikgu. Buka di rumah." Azizah merayu kepada Cikgu Zaleha. Jemari nakal Cikgu Zaleha mencubit bucu kertas surat khabar pembalut hadiah daripada Azizah.

Entri Kata

- **unik** – tidak sama dgn yg lain, lain drpd yg lain, tersendiri, luar biasa, istimewa
- **kelibat** – rupa seseorang atau sesuatu yg kelihatan sepintas lalu sahaja, imbasan
- **cilik** – kecil

(Dipetik daripada antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1)

Nota SMART**Watak**

- Pelaku dalam sesebuah karya yang menggerakkan cerita dengan cara berinteraksi sesama watak dan alam

Perwatakan

- Pelukisan tentang watak dari aspek luaran atau dalaman.

- Yang berikut merupakan sebab-sebab Azizah menunggang basikalnya dengan laju, **kecuali**
 - untuk sampai di sekolah dengan segera.
 - untuk membeli kertas pembalut hadiah.
 - untuk memberikan hadiahnya kepada Cikgu Zaleha.
 - untuk menunjukkan hadiahnya kepada kawan-kawan.
- Mengapakah semua murid memandang Azizah sewaktu Azizah tiba di sekolah?
 - Memandang hadiah Azizah yang dibungkus dengan surat khabar

- Kagum akan keunikan hadiah yang dipegang oleh Azizah
- Azizah ditegur oleh Cikgu Zaleha kerana tiba lewat
- Terkejut kerana Azizah tiba lewat

"Cikgu... ini saja yang mampu saya berikan."

- Nyatakan nilai yang terdapat dalam petikan di atas?

A kejujuran	C Harga diri
B Amanah	D Hemah tinggi

4. Pada pendapat anda, mengapakah Azizah meminta Cikgu Zaleha membuka hadiah pemberiannya di rumah? 

- A Azizah malu kerana hadiah itu murah.
- B Azizah bimbang Cikgu Zaleha enggan menerima hadiah itu.

- C Azizah takut kerana hadiah itu berbeza daripada hadiah murid-murid yang lain.
- D Azizah tidak mahu ditertawakan oleh kawan-kawan kerana hadiah itu dibuatnya sendiri.